



**3. PENYELIA SISTEM  
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)  
KEKOSONGAN=1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Pengajian Komputer / Sistem Maklumat / Kejuruteraan Elektronik atau bidang berkaitan dengan hal ehwal komputer.
2. Mempunyai pengalaman dan kebolehan yang berikut adalah keutamaan:
  - a) Mempunyai kebolehan yang baik dalam komunikasi lisan dan tulisan.
  - b) Mempunyai pengalaman praktikal dalam pengendalian pelbagai:-
    - i) Projek dan perkhidmatan Teknologi Maklumat.
    - ii) Platform Teknologi Maklumat terkini.
  - c) Mempunyai pengetahuan dalam pelbagai:-
    - i) Sistem-sistem kualiti pejabat.
    - ii) Peraturan Kerajaan dalam bidang pejabat, kakitangan, kewangan dan Teknologi Maklumat.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENYELIA SISTEM:**

1. Membantu mengendalikan projek-projek dan perkhidmatan-perkhidmatan teknikal yang diarahkan oleh Jurutera Sistem dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam projek dan perkhidmatan berkenaan.
2. Menyelia kegiatan-kegiatan di dalam Pusat Data / Pusat Pemulihan Data / Pusat Pemantauan Keselamatan (*Security Monitoring Centre*)



3. Memastikan semua dokumen tatacara / *Standard Operating Procedure* (*SOP*) penggunaan sistem ICT diikuti dan dibuat sepenuhnya oleh pengguna.
4. Melaksanakan piawaian, dasar prosedur untuk memastikan pengoperasian mengikut amalan terbaik (*Best Practices*).
5. Membentuk arahan (instructions) untuk Pengendali Sistem bagi peningkatan operasi dan prosedur komputer.
6. Melaksanakan pemeliharaan sistem komputer secara *routine* untuk memastikan keberkesanan operasi sistem-sistem yang ada termasuk pengurusan *vendor* (*vendor management*).
7. Menyelia pemasangan peralatan ICT dan yang berkaitan dengan pengurusan *facilities* (*facilities management*) seperti Air, Aircon, *Sprinkler System*, *Uninterrupted Power Supply*.
8. Menyelia pemasangan peralatan rangkaian dan yang berkaitan termasuk mengendali *high bandwidth*, *wireless*, *switching* dan *routing of network processors*.
9. Menyelia pengoperasian dan pemeliharaan peralatan ICT dan yang berkaitan untuk memastikan kesinambungan operasi termasuk pelan *capacity* dan *availability*.
10. Menyelia pentadbiran sistem keselamatan pengoperasian dan prasarana rangkaian termasuk pengurusan insiden (*incident management*).
11. Menyediakan atau menyelaras latihan untuk pengguna bagi sistem perisian.
12. Membantu menguruskan atau melaksanakan sebarang permohonan *user change* / *new request* bagi sistem aplikasi.
13. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan atau wakilnya dari semasa ke semasa.